



## Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu

**Norsahida Sakira Kirman<sup>1</sup>, Mohammad Mujaheed Hassan<sup>1</sup>, Farah Husna Anwar<sup>1</sup>, Azlina Mohd Khir<sup>1</sup>, Wan Munira Wan Jaafar<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Mohammad Mujaheed Hassan ([mujaheed@upm.edu.my](mailto:mujaheed@upm.edu.my))

### Abstrak

Tingkah laku merupakan suatu tindak balas serta perbuatan seseorang individu sama ada melalui percakapan verbal mahupun fizikal *non verbal* atas input yang diperoleh daripada interaksi untuk menterjemahkan maklumat diterima kepada perbuatan serta tindakan. Tingkah laku juga dipengaruhi oleh emosi seseorang individu untuk bertindak balas atau bertingkah laku ketika berinteraksi dalam konteks sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, gejala sosial semakin mendapat tamparan yang hebat dari golongan remaja. Tingkah Laku seseorang remaja sekolah yang melanggar norma adalah merupakan tingkah laku delinkuen. Kes salah laku ini menyebabkan kesan negatif terhadap kesejahteraan dan ketenteraman dalam hidup bermasyarakat. Tambahan lagi, terdapat kes-kes sosial keruntuan akhlak kini tersebar luas di ruang akhbar terhadap perlaku seks bebas seperti rogol dan hamil luar nikah. Beberapa faktor sosialisasi dapat dikenal pasti dalam mempengaruhi remaja dan kebanyakan mereka ini adalah masih bersekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor, perkaitan dan perbezaan sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. Seramai 120 orang pelajar iaitu 70 orang pelajar lelaki dari Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan 50 orang pelajar perempuan dari Asrama Bahagia Kg. Pandan. Kedua-dua sekolah merupakan sekolah yang melibatkan pelajar terbabit dalam kes juvana dan berada di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah berbentuk deskriptif. Data dikumpulkan melalui borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu A) Latar Belakang Pelajar, B) Lima Faktor Sosialisasi dan C) Tingkah Laku Agresif. Data diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* untuk menilai peratus, kekerapan, korelasi, *T-test* dan *Anova*. Hasil menemukan pelajar lelaki lebih cenderung dipengaruhi oleh faktor media massa manakala pelajar perempuan lebih cenderung dipengaruhi dengan rakan sebaya. Hasil kajian mendapati tingkah laku individu dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu media masa, rakan sebaya dan diri sendiri. Tiada perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan untuk faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku agresif. Oleh itu, beberapa cadangan telah dirangka dalam pengawalan dengan mewujudkan akta, fungsi institusi kekeluargaan dan juga institusi pendidikan seperti sekolah.

**Kata kunci:** faktor sosialisasi, media massa, rakan sebaya, diri sendiri, tingkah laku

## Socialization Factors in Influencing Individual Behaviour

### Abstract

Behaviour is the way an individual translates input derived from interactions into action and reaction, either through verbal communication or through nonverbal communication. Behaviour is also influenced by an individual's emotions to respond or to react when interacting in the social context of

society. However, social symptoms are getting a huge blow from the teens. The negativity in socialization are intensely prominent among teenagers. The behaviour of a school teen who violates the norm is a behaviour of a delinquent. These cases of misconduct have a negative impact on the well-being and peace of life in the community. In addition, there have been cases of social collapse of morals now widely circulating in the media regarding sexually explicit acts such as rape and premarital pregnancy. Several social factors can be identified to influence teens, of which most of them are still schooling. Therefore, this research aims to study the factors, relevance and differences of socialization in influencing individual behaviour. Total of 120 students, including 70 boys from Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi and 50 girls from Asrama Bahagia Kg. Pandan. Both schools are those who are involved in juvenile cases and under control of the Department of Social Welfare (JKM). The design of the study is descriptive. Data was collected through a three-part questionnaire, which comprises of A Background Information of Students, B Five Socialization Factors, and C Aggressive Behaviour. The data collected was then analysed using SPSS (Statistical Package for Social Science) to evaluate percentages, frequency, correlation, T-test and Anova. Results found that male students were more likely to be influenced by mass media factors while female students were more likely to be influenced by peers. Ultimately, the research results reveal that the behaviour of individuals is influenced by three main factors, namely the media, peers and individual self. There were no significant differences between male and female gender for socialization factors influencing aggressive behavior. Therefore, some proposals have been formulated such as form new acts, emphasizing the importance of family as well as educational institutions such as schools.

**Keywords:** social factors, media, peers, individual self, behavior

---

## Pengenalan

Zaman berganti zaman, jika dahulu kita menganggap golongan yang terlebih dahulu makan garam disanjung tinggi, di hormati manakala yang muda pula disayangi. Peredaran masa mengikut generasi mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam melihat aspek adab, tata tertib, sopan santun dan juga nilai etika bagi setiap individu. Akan tetapi ia merupakan sikap dan amalan dari zaman nenek moyang di mana menitik beratkan adab dan sopan santun lebih-lebih lagi dari segi percakapan. Bagi golongan ini, adab boleh dikatakan maruah diri dan keluarga yang perlu dijaga dengan baik supaya tidak menimbulkan fitnah serta buah mulut masyarakat sekeliling.

Jika dahulu, sebaik sahaja tetamu hadir ke rumah, anak dara akan duduk di dapur untuk menghidangkan juadah untuk menjamu tetamu bagi mengalu-alukan kedatangan mereka. Adab dan nilai sopan-santun ini lebih dekat dengan budaya orang Melayu, dari kecil lagi sudah diberi pendedahan dan didikan awal supaya menghormati orang lain seperti pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Dengan memberi salam, bersalam-salam dan senyum apabila bersua dengan masyarakat sekeliling. Budaya ini tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas bagi amalan hidup bermasyarakat. Sebaliknya, generasi muda sekarang seolah-olah memandang enteng akan nilai, akhlak dalam diri mereka sendiri. Ini mengakibatkan golongan remaja pada masa kini terjerumus dalam kancang keruntuhan akhlak yang kian meruncingkan.

Tingkah laku merupakan suatu tindak balas serta perbuatan seseorang individu sama ada melalui percakapan (verbal) maupun fizikal (non-verbal) atas input yang diperoleh daripada interaksi untuk menterjemahkan maklumat diterima kepada perbuatan serta tindakan. Kadang kala tingkah laku juga dipengaruhi oleh emosi seseorang individu untuk bertindak balas atau bertingkah laku ketika berinteraksi dalam konteks sosial masyarakat. Setiap negara mempunyai undang-undang serta berpegang teguh kepada prinsip yang telah ditetapkan oleh sebuah Negara. Begitu juga dengan Malaysia, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara. Ia merupakan ikrar oleh setiap rakyat Malaysia terhadap Negara tercinta. Dalam prinsip Rukun Negara terdapat lima aspek yang harus dipegang iaitu Kepercayaan kepada tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan. Rukun Negara yang kelima menyebut perihal tingkah laku iaitu Kesopanan dan Kesusilaan tanpa mengikut agama dan juga

bangsa. Ini merupakan prinsip dan merupakan garis panduan bagi rakyat untuk saling menghormati dalam hidup bermasyarakat.

## **Penyataan Masalah**

Kebelakangan ini, gejala sosial menjadi suatu fenomena modenisasi dan kejutan budaya yang menjadi isu berbangkit melanda golongan remaja dan juga belia. Hal ini seolah-olah memberi suatu gambaran yang parah dalam etika, nilai dan moral akhlak di kalangan masyarakat. Tambahan lagi, perkara ini lebih merumitkan kerana terdapat peningkatan kes dan masalah gejala sosial setiap tahun di Malaysia. Khususnya di kalangan pelajar sekolah, remaja dan juga belia hari ini dapat digambarkan melalui perilaku seks bebas, hamil luar nikah, rogol, keldai dadah, menagih, pemerdagangan seperti pelacuran serta buli secara mental (psikologi) dan fizikal (agresif).

Gejala sosial menjadi barah tularan dalam masyarakat terutama sekali bagi generasi muda. Hal ini amat membimbangkan dalam menangkis isu-isu seperti ini berlaku dengan berleluasa. Jika dahulu, perkara sebegini jarang-jarang dibahaskan. Tetapi berbeza dengan sekarang ini, ia seolah-olah menjadi suatu perkara kebiasaan dan tidak asing lagi di kalangan masyarakat. Beberapa laporan media massa melalui media cetak seperti kes rogol, pembuangan bayi, hamil luar nikah, perilaku seks bebas semakin berleluasa di Malaysia. Menurut sumber Harian Metro pada 25 Februari 2018 telah melaporkan kes sembilan anggota askar merogol remaja berumur 17 tahun dan mengakibatkan mangsa hamil. Kejadian berlaku di Johor Bahru, Johor. Siasatan berhubung tangkapan Polis Johor melibatkan sembilan orang yang disyaki merogol remaja tersebut manakala suspek utama dalam kejadian merupakan kenalan mangsa selain daripada lapan lagi merupakan anggota tentera. Mangsa disahkan hamil sembilan minggu dan susulan laporan polis yang dibuat oleh mangsa.

Menurut laporan 30 Ogos 2018 Utusan Online menyatakan bahawa semakin jelas kelihatan peningkatan tingkah laku agresif dalam kalangan belia di Malaysia tetapi malangnya tidak mempunyai data lengkap mengenai tahap salah laku bagi golongan belia. Kebelakangan ini, media massa sering menyajikan kes-kes sosial di ruang akhbar tentang salah laku pelajar. Betapa seriusnya masalah sebegini sekali gus memberi implikasi terhadap masa depan pelajar. Hal ini amat mengecewakan kerana beberapa pihak seperti pengetua, guru serta pihak pengurusan sekolah cuba menyembunyikan masalah sedemikian demi melindungi nama baik sekolah semata-mata.

Pada tahun 22 Disember 2017, laporan Mstar.com.my, terdapat dua orang remaja bawah umur dijadikan Keldai Dadah. Seorang remaja lelaki dan perempuan masing-masing berusia 16 tahun dan 14 tahun antara 19 individu warga tempatan yang di tahan polis di sekitar Lembah Klang yang dipercayai terlibat dalam sindiket pengedaran dadah menggunakan khidmat keldai dadah. Bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, remaja tersebut direman dan disiasat mengikut seksyen yang sama dengan mangsa tahanan yang lain.

Menurut statistik bagi Kemasukan Tahanan ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pusat Pemulihan Khas dan Tempat Tahanan Khas Jabatan Penjara 2015 hingga 2017 terbahagi kepada tiga kategori yang berbeza iaitu Pusat Pemulihan Akhlak (LLPK), Pusat Pemulihan Khas (PPK) dan Tempat Tahanan Khas (TTK). Kemasukan ke Pusat Pemulihan Akhlak pada 2017 meningkat secara mendadak dengan catatan sebanyak 1,149 orang lelaki warganegara dan 49 orang wanita warganegara berbanding dengan tahun 2015 hanya seramai 250 orang lelaki warganegara dan 22 orang perempuan warganegara. Bagi kategori Pusat Pemulihan Khas pula, pada tahun 2015 direkodkan sebanyak 182 orang lelaki warganegara dan diikuti seorang wanita warganegara. Tetapi pada 2017 berlaku peningkatan hanya bagi lelaki warganegara dengan berjumlah 253 orang dan bagi wanita warganegara kekal dengan catatan hanya seorang. Seterusnya, Tempat Tahanan Khas pada tahun 2017 hanya lelaki warganegara sahaja mempunyai rekod iaitu seramai empat orang berbanding tahun 2015 yang tiada catatan direkodkan. Statistik ini menunjukkan bagi kemasukan Tahanan ke Pusat Pemulihan Akhlak merupakan kategori yang mempunyai skor tertinggi dari tahun 2015 hingga tahun 2017 berbanding dengan kategori yang lain.

Sumber Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula menunjukkan kadar statistik tertinggi bagi golongan kanak-kanak lingkungan umur dari 10 tahun hingga 21 tahun adalah jenayah yang bersabit dengan harta benda dengan rekod berjumlah 1,717 pada tahun 2016. Seterusnya, terdapat beberapa jenis kesalahan jenayah harta benda dan antaranya adalah kecurian motokar, kecurian motosikal, rugut dan pecah rumah. Bagi remaja lelaki dan perempuan yang berusia 16 tahun hingga 17 tahun mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk melakukan jenayah. Hal ini kerana statistik kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, kumpulan umur 16 tahun hingga 17 tahun dan jantina pada tahun 2016 telah menunjukkan seramai 3,426 lelaki manakala 225 perempuan.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji pengaruh faktor sosialisasi (keluarga, rakan sebaya, persekitaran sekolah, media massa dan diri sendiri) dan tingkah laku agresif pelajar.
- ii. Menentukan perkaitan antara faktor sosialisasi (keluarga, rakan sebaya, persekitaran sekolah, media massa dan diri sendiri) dalam mempengaruhi tingkah laku individu.
- iii. Menentukan perbezaan antara jantina dengan tingkah laku agresif pelajar.
- iv. Menentukan perbezaan jantina dengan faktor sosialisasi (keluarga, rakan sebaya, persekitaran sekolah media massa dan diri sendiri).

## **Sorotan Kajian**

### **Sosialisasi**

Berinteraksi dalam kelompok komuniti dan masyarakat merupakan cara bagaimana untuk bersosialisasi melalui pergaulan, percakapan serta komunikasi antara individu dengan individu yang lain. Melalui daripada beberapa rujukan kajian lepas, terdapat lima faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku individu iaitu i) keluarga; ii) rakan sebaya; iii) persekitaran; iv) sekolah; iv) media massa; dan v) diri sendiri.

### **Faktor Keluarga**

Literatur membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku verbal dan anti sosial dengan pendapatan bulanan dalam kalangan ibu bapa (Azizi et al., 2010). Berdasarkan kajian Zarin (2017), beliau mendapati informan mengambil keputusan untuk menjual dadah secara kecil-kecilan kerana ibu bapa informan berpendapatan rendah dan tidak memiliki duit yang cukup bagi menampung perbelanjaan seisi keluarga. Kajian oleh Noor Adilah (1998) dan Norhayati (1994) turut mengenal pasti pengaruh faktor ekonomi ibu bapa dengan penglibatan remaja dalam masalah sosial. Manakala kajian barat pula melaporkan bahawa remaja yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah adalah dua kali lebih cenderung untuk bertingkah laku negatif berbanding remaja yang lain (Mannes et al., 2005). Selain itu, Hamidah et al. (2006) turut mendapati masalah sosial dalam kalangan berpunca daripada penceraian ibu bapa mereka. Ramai anak-anak daripada keluarga tunggal mempunyai masalah tingkah laku, emosi akibat daripada kurang pengawasan. Hal ini kerana, masa yang dihabiskan untuk bersama anak-anak semakin berkurangan kerana ibu atau bapa tunggal perlu bekerja lebih masa untuk menyara keluarga. Akibatnya, remaja dari keluarga tunggal akan menghabiskan banyak masa mereka di luar rumah dan sering terdedah kepada pengaruh negatif daripada rakan-rakan dengan melakukan perkara yang mengundang kemerosotan akhlak. Dapatkan yang serupa dalam kajian oleh Norhayati (1994) yang mendapati semua pelajar daripada keluarga bercerai mempunyai masalah peribadi yang membawa kepada tingkah laku negatif dan rata-rata datang daripada keluarga kucar-kacir dan tidak bahagia.

### **Faktor Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merupakan remaja yang tergolong dalam peringkat umur yang sama atau mempunyai paras kematangan yang sama seperti rakan sekolah yang mempunyai hubungan persahabatan dalam berkongsi pengalaman, perasaan dan pandangan tentang hidup. Pada peringkat umur remaja, rakan sebaya memainkan peranan penting membentuk akhlak dan peribadi remaja. Menurut Bahr et al. (2005), rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang berisiko tinggi dalam aktiviti penyalahgunaan dadah. Remaja yang mempunyai kawan-kawan rapat yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah lebih berkemungkinan terlibat dalam penyalahgunaan bahan (Idarki, 2013). Zarina et al. (2017) menjelaskan bahawa pujuhan rakan sebaya untuk terjerumus dalam penyalahgunaan bahan mempunyai kemungkinan yang tinggi seseorang turut terlibat dalam kegiatan yang sama. Contohnya dapatan kajian oleh Rozmi (2004) dan Zakiyah (2008) mendapati rakan sebaya mempunyai hubungan yang positif terhadap perlakuan lumba haram. Ini membuktikan hubungan rakan sebaya memberikan pengaruh yang signifikan ke atas seseorang individu.

### **Faktor Persekutaran Sekolah**

Dapatan kajian oleh Rozmi et al. (2017) mendapati faktor persekitaran sosial adalah faktor paling kuat mempengaruhi tingkah laku salah guna bahan dalam kalangan remaja. Dapatan ini selari dengan pandangan sarjana seperti Hogen et al. (2003) dan Hollen (2009) yang menghujahkan bahawa faktor persekitaran yang tidak terkawal serta mudah untuk mendapatkan bekalan dadah dalam komuniti yang juga merupakan tempat tinggal remaja akan meningkatkan risiko salah guna bahan di kalangan mereka.

### **Faktor Media Massa**

Menurut Lai (2010) pelajar generasi masa kini membesar bersama teknologi dan lebih cenderung menggunakan internet untuk berkomunikasi, mengakses maklumat dan berhibur. Media massa pada ketika ini tidak asing lagi dalam penggunaannya yang tersendiri bagi setiap lapisan masyarakat tanpa mengikut peringkat umur. Kegunaannya juga mengikut kesesuaian dengan perkembangan era teknologi pada masa kini yang kian pesat berlaku pada kebelakangan ini. Dalam dunia yang tanpa sempadan, peranan media dalam menyebar dan menyampaikan maklumat dan pendidikan dalam masyarakat telah menjadi suatu keutamaan.

Fungsi dan matlamat televisyen adalah untuk memberi hiburan melalui program-program yang dijalankan. Televisyen juga boleh menjadi ancaman kepada pengguna jika penggunaan secara melampau dan tidak dikawal. Menurut Larking (1996) menegaskan bahawa penyalahgunaan televisyen boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda kerana ia boleh menyimpangkan mereka daripada realiti hidup yang sebenar dan boleh menjadi ‘hamba’ kepada televisyen. Tambahan lagi, beliau berpendapat bahawa televisyen menjadi satu persaingan kepada bahan-bahan pendidikan yang bercetak kerana sifatnya berbentuk hiburan dan persembahan yang lebih menarik berbanding teks tulisan. Budaya menonton televisyen yang tidak terkawal secara tidak langsung telah menarik remaja untuk lebih gemar menonton televisyen dan kurang memberi tumpuan kepada pembacaan buku-buku. Selain itu, pelajar yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi pelbagai masalah sosio-psikologi yang lebih seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian daripada keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap terhadap keyakinan agama sebaliknya lebih percaya kepada perkara tahuyl dan masalah dalam gejala seks dan keganasan berbanding dengan rakan-rakan yang kurang menonton televisyen. Ini menunjukkan media khususnya televisyen mempunyai kesan kepada perkembangan diri dan akhlak remaja.

Seterusnya, *soft pornography* juga telah dipromosikan secara meluas menerusi program-program hiburan, tarian, nyanyian yang mengasyikkan yang di tayangkan di beberapa buah saluran televisyen sebagai contoh aksi yang berunsurkan negatif dan seksi beserta tarian yang penuh gaya menghairahkan kepada penonton khususnya para remaja yang dari pelbagai latar belakang pendidikan dan status sosio-ekonomi. Selain itu, melalui majalah-majalah hiburan juga mempunyai pengaruh besar bagi golongan remaja. Pelbagai jenis majalah didapati memfokuskan kepada golongan

pembaca remaja melalui iklan dan mempromosikan selebriti, idola remaja, fesyen luar yang sememangnya bertentangan dengan agama dan budaya. Pengaruh internet juga bukan suatu perkara yang baru, semuanya di hujung jari. Jika tiada kawalan dan sekatan akta untuk penggunaan ini akan lebih membimbangkan lagi kehidupan generasi akan datang. Sumber internet yang merupakan worldwide lebih menakutkan kerana tiada maklumat tentang sumber yang diperoleh sama ada sahih ataupun tidak kadang kala dijadikan rujukan. Ini akan merosakkan lagi nilai akhlak dan moral bagi remaja.

### **Faktor Diri Sendiri**

Diri sendiri merujuk kepada individu yang membuat keputusan dan tindakan yang diambil sama ada melalui hasutan orang sekeliling ataupun atas sebab tanggungjawab sendiri. Ini merupakan subjektif dimana boleh dikaitkan tentang kehendak sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam masa yang singkat dan tidak memikirkan kesan dalam tempoh masa yang akan datang. Hakikatnya, impak yang ditanggung akan membelenggu masalah dalam diri sendiri. Selain itu, sikap serta nilai kendiri tentang motivasi diri juga berperanan dalam membentuk nilai dalam diri individu untuk ke acuan yang mana. Oleh itu, setiap input yang diterima melibatkan output dalam membawa diri sama ada melakukan kebaikan atau pun keburukan ke atas diri sendiri. Jika tiada usaha sendiri untuk mencapai sesuatu, tiada siapa yang dapat membantu selain daripada diri sendiri.

### **Metod Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif iaitu kajian berbentuk borang soal selidik yang di adaptasi melalui beberapa soalan mengikut bahagian tertentu. Borang soal selidik merupakan soalan tertutup (*closed-ended*). Kajian ini telah dilakukan di dua tempat yang berbeza iaitu di Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan Asrama Bahagia Kg. Pandan. Kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan yang terletak di bandar Kuala Lumpur. Menurut statistik kelompok sekolah juvana yang terdapat di Malaysia, dua buah sekolah ini merupakan sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai ditempatkan mengikut perintah mahkamah melalui persetujuan keluarga berbanding dengan sekolah juvana yang lain. Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi mewakili responden bagi pelajar lelaki manakala Asrama Bahagia Kg. Pandan pula mewakili responden pelajar perempuan. Kaedah persampelan rawak berstrata digunakan. Seramai 73 orang responden lelaki dari Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan 50 orang responden perempuan dari Asrama Bahagia Kg. Pandan terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu i) Bahagian A: Latar Belakang Pelajar; ii) Faktor Sosialisasi; dan iii) Tingkah Laku. Bahagian A: Latar Belakang Pelajar merangkumi maklumat seperti Jantina dan Bangsa. Bahagian B: Faktor Sosialisasi merangkumi lima (5) faktor iaitu Keluarga (15 item), Rakan Sebaya (17 item), Media Massa (15 item), Persekitaran Sekolah (8 item) dan Diri Sendiri (26 item). Seterusnya untuk Bahagian C: Tingkah Laku Agresif merangkumi 24 item. Skala Likert 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju. Instrumen kajian adalah adaptasi daripada kajian lepas dan diubah mengikut kesesuaian kajian. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis iaitu kaedah analisis deskriptif, Kolerasi Pearson, *T-Test*, *ANOVA*, dan *Reliability test*.

### **Dapatkan Kajian**

#### **Analisis Kebolehpercayaan**

*Reliability test (Cronbach's alpha)* telah dijalankan untuk menilai konsentasi setiap faktor. *Cronbach's alpha* digunakan untuk mengira skor varians yang konsisten dalam 1 set skor ujian dan ia biasanya antara 0-1. Nilai tinggi *Cronbach's alpha* menunjukkan konsistensi dalam yang baik dari item dalam skala. Nilai *reliability coefficient* lebih 0.5 boleh diterima untuk digunakan dalam analisis (Nunnally, 1978). *Reliability test (Cronbach's alpha)* pilot test dan kajian sebenar telah dijalankan menunjukkan nilai *reliability coefficient* melebihi 0.5.

Jadual 1: Keputusan Analisis Kebolehpercayaan

Faktor Sosialisasi	Bilangan soalan	Cronbach's Alpha Pilot Test	Kajian Sebenar
Faktor Keluarga	15 soalan	0.801	0.818
Faktor Pengaruh Rakan Sebaya	17 soalan	0.558	0.622
Faktor Persekitaran	8 soalan	0.911	0.883
Faktor Media Massa	15 soalan	0.672	0.735
Faktor Diri Sendiri	26 soalan	0.625	0.764
Tingkah Laku Agresif	24 soalan	0.928	0.919

### **Analisis Latar Belakang Responden**

Berdasarkan jadual Krejcic Morgan jumlah persampelan mewakili kedua-dua sekolah adalah seramai 123 orang pelajar. Terdapat tiga borang soal selidik yang tidak dikembalikan semula semasa kajian dijalankan iaitu tiga borang soal selidik adalah daripada pelajar lelaki di Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi. Jumlah keseluruhan pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 70 orang pelajar lelaki dari Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan seramai 50 orang pelajar perempuan dari Asrama Bahagia Kg. Pandan telah terlibat dalam kajian ini. Majoritinya adalah berbangsa Melayu (85.8%) dikuti dengan Bangsa India (9.2%), Cina (4.2%) dan lain-lain (0.8%).

Jadual 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden mengikut Jantina

Item	Bilangan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	70	58.3
Perempuan	50	41.7
Bangsa		
Melayu	103	85.5
Cina	5	4.2
India	11	9.2
Lain-lain	1	0.8

### **Analisis Faktor Sosialisasi dengan Tingkah Laku Agresif Individu**

Hasil analisis mendapati bahawa faktor sosialisasi yang tertinggi mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki adalah faktor Media Massa iaitu dengan nilai min 3.3905 manakala bagi pelajar perempuan pula adalah faktor Pengaruh Rakan Sebaya iaitu nilai min 3.3612.

Jadual 3: Penentuan Tahap berdasarkan Nilai Min

Skala Likert	1	2	3	4	5
Nilai Min	1-2.99		3.00	3.01-5.00	
Tahap	Rendah		Sederhana	Tinggi	

Jadual 4: Nilai Min bagi Faktor Sosialisasi Mengikut Jantina

Faktor Sosialisasi	Nilai Min	
	Lelaki	Perempuan
Faktor Keluarga	2.7467	2.6320
Faktor Pengaruh Rakan Sebaya	3.2210	3.3612
Faktor Persekitaran	2.4714	2.4650

Faktor Media Massa	3.3905	3.0827
Faktor Diri Sendiri	3.0181	3.1008

Jadual 5: Nilai Min bagi Tingkah Laku Agresif

Item	Jantina	N	Min
Tingkah Laku Agresif	Lelaki	70	3.3369
	Perempuan	50	2.9458

Kajian mendapati bahawa pelajar lelaki lebih agresif dengan nilai min 3.3369 iaitu tinggi berbanding pelajar perempuan pada nilai min 2.9458 iaitu rendah.

### **Analisis Perkaitan antara Faktor Sosialisasi dengan Tingkah Laku Individu**

Jadual 6: Analisis Perkaitan Faktor Sosialisasi terhadap Tingkah Laku Individu

Hipotesis	r	p	Keputusan Kajian	Hasil Kajian
<b>Faktor Sosialisasi Keluarga</b>				
Ho1.1: Tiada perkaitan antara faktor keluarga dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki	-0.169	0.162	Tidak Signifikan	Tidak Ada Korelasi
Ho1.2: Tiada perkaitan antara faktor keluarga dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar perempuan	0.307*	0.030	Signifikan	Korelasi Cukup
Ho1.3: Tiada perkaitan antara faktor keluarga dalam mempengaruhi tingkah laku individu	0.070	0.447	Tidak Signifikan	Korelasi Sangat Lemah/Di Anggap Tidak Ada
<b>Faktor Sosialisasi Rakan Sebaya</b>				
Ho2.1: Tiada perkaitan antara faktor pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki	0.232	0.053	Tidak Signifikan	Korelasi Sangat Lemah/Di Anggap Tidak Ada
Ho2.2: Tiada perkaitan antara faktor pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar perempuan	0.345*	0.014	Signifikan	Korelasi Cukup
Ho2.3: Tiada perkaitan antara faktor pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi tingkah laku individu	0.230*	0.011	Signifikan	Korelasi Cukup
<b>Faktor Sosialisasi Persekutaran Sekolah</b>				
Ho3.1: Tiada perkaitan antara faktor persekitaran sekolah dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki	-0.223	0.064	Tidak Signifikan	Tidak Ada Korelasi

H <sub>03.2</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor persekitaran sekolah dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar perempuan	0.205	0.154	Tidak Signifikan	Korelasi Sangat Lemah/Di Anggap Tidak Ada
H <sub>03.3</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor persekitaran sekolah dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar individu	-0.058	0.529	Tidak Signifikan	Tidak Ada Korelasi

#### Faktor Sosialisasi Media Massa

H <sub>04.1</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor media massa dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki	0.449**	0.000	Signifikan	Korelasi Cukup
H <sub>04.2</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor media massa dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar perempuan	0.376*	0.007	Signifikan	Korelasi Cukup
H <sub>04.3</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor media massa dalam mempengaruhi tingkah laku individu	0.449**	0.000	Signifikan	Korelasi Cukup

#### Faktor Sosialisasi Diri Sendiri

H <sub>05.1</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor diri sendiri dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki	0.593**	0.000	Signifikan	Korelasi Kuat
H <sub>05.2</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor diri sendiri dalam mempengaruhi tingkah laku pelajar perempuan	0.720**	0.000	Signifikan	Korelasi Kuat
H <sub>05.3</sub> :	Tiada perkaitan antara faktor diri sendiri dalam mempengaruhi tingkah laku individu	0.598**	0.000	Signifikan	Korelasi Kuat

### **Analisis Perbezaan antara Jantina dengan Faktor Sosialisasi**

Analisis perbezaan antara jantina dengan faktor keluarga menunjukkan nilai  $F(1,118) = 0.692$ ,  $p = 0.407 > 0.05$ , faktor pengaruh rakan sebaya  $F(1,118) = 2.999$ ,  $p = 0.086 > 0.05$ , faktor persekitaran sekolah  $F(1,118) = 0.001$ ,  $p = 0.970 > 0.05$ , faktor media massa  $F(1,118) = 9.040$ ,  $p = 0.003 > 0.05$ , faktor diri sendiri  $F(1,118) = 0.890$ ,  $p = 0.347 > 0.05$ . Oleh yang demikian, kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor sosialisasi.

Jadual 7: Analisis Perbezaan antara Jantina dengan Faktor Sosialisasi (ANOVA)

Item		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Keluarga	Between Groups	.383	1	.383	.692	.407
	Within Groups	65.376	118	.554		
	Total	65.760	119			
Pengaruh Rakan Sebaya	Between Groups	.573	1	.573	2.999	.086
	Within Groups	22.550	118	.191		
	Total	23.123	119			
Persekutaran Sekolah	Between Groups	.001	1	.001	.001	.970
	Within Groups	96.975	118	.822		
	Total	96.977	119			
Media Massa	Between Groups	2.763	1	2.763	9.040	.003
	Within Groups	36.070	118	.306		
	Total	38.833	119			
Diri Sendiri	Between Groups	.199	1	.199	.890	.347
	Within Groups	26.407	118	.224		
	Total	26.606	119			

### ***Analisis Perbezaan Jantina lelaki dan Perempuan dengan Tingkah Laku Agresif***

Tiada perbezaan yang signifikan jantina lelaki dan perempuan dengan tingkah laku agresif dengan nilai  $t = 2.896$ ,  $p = 0.971 > 0.05$ .

Jadual 8: Analisis Perbezaan Jantina dengan Tingkah Laku Agresif (*T-test*)

Item	Levene's Test for Equality of Variances				T-test for Equality of Means			
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference
								Lower Upper
<i>Equal variances assumed</i>	.001	.971	2.896	118	.005	.39107	.13504	.12365 .65849
<i>Equal variances not assumed</i>			2.879	103.408	.005	.39107	.13584	.12167 .66047

### **Perbincangan**

Terdapat lima (5) faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku agresif pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Faktor utama bagi pelajar lelaki dalam kajian ini yang sangat mempengaruhi tingkah laku pelajar lelaki adalah faktor media massa iaitu dengan mencatatkan nilai min di tahap yang tertinggi di antara faktor sosialisasi yang lain iaitu 3.3905. Walau bagaimanapun, faktor rakan sebaya dan faktor diri sendiri juga turut menyumbang di skala yang tinggi serta merupakan faktor dalam mempengaruhi tingkah laku agresif pelajar lelaki. Begitu juga dengan pelajar perempuan, faktor rakan sebaya diikuti faktor media massa dan juga faktor diri sendiri adalah pengaruh yang kuat dalam mereka bertingkah

laku agresif. Hal ini adalah serius bagi menangani gejala sosial yang kian menjadi tumpuan di kalangan remaja sekolah.

Faktor media massa terutamanya media elektronik adalah wabak dunia digital pada masa kini. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, majoriti pelajar lelaki suka menonton Tv yang menayangkan aksi perlawanan atau konflik seperti rancangan gusti, *smallville*, *prison break*. Selain itu, pelajar lelaki lebih cenderung dan suka menonton rancangan drama yang ada aksi perlawanan serta cerita lebih kepada unsur gengsterisme. Mereka juga mudah terpengaruh menonton atau permainan game yang agresif seperti *counter-strike*, *call of duty* dan *general*. Tambahan lagi, menerusi media massa pelajar lelaki juga suka menonton media yang berunsur lucah. Disebabkan skop media massa adalah luas, tidak hairanlah remaja sekarang di hantui oleh bayangan gajet. Seolah-olah berada di dunia mereka sendiri tanpa menghiraukan orang sekeliling. Tambahan lagi, remaja sekarang diberi kemudahan melalui media massa dengan pelbagai aplikasi serta digital platform yang rata-rata memaparkan pelbagai jenis tanpa batasan seperti hiburan, permainan “*game online*”, video, gambar dan sebagainya. Ini secara tidak langsung memudahkan mereka akses kepada benda-benda yang tidak sepatutnya. Media massa juga memaparkan “*influencer*” seperti *Instafamous*, *blooger* dan juga *youtuber* tidak kira artis mahupun sesiapa kini semuanya dapat di *streaming* secara langsung dengan menggunakan internet.

Faktor rakan sebaya di tahap yang tinggi. Berdasarkan hasil kajian, rata-rata pelajar lelaki dan pelajar perempuan menjawab bahawa mereka ini setia apabila berkawan dan pelajar menganggap rakan adalah orang yang utama dalam menolong mereka berbanding dengan keluarga sendiri. Selain itu, pelajar juga menganggap rakan-rakan adalah individu yang cuba untuk memahami keadaan mereka semasa pelajar marah mengenai sesuatu perkara serta bagi mereka rakan-rakan membantu mereka dalam memahami diri mereka dengan lebih baik.

Seterunya faktor diri sendiri merupakan skor min di tahap yang tinggi bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pelajar merasakan yang diri mereka sentiasa inginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Tambahan lagi, pelajar sentiasa ingin mencuba sesuatu yang tidak pernah mereka lakukan. Bagi mereka dengan mencuba benda baru mereka dapat pendedahan dan berpuas hati mencubanya sendiri. Selain itu, emosi seperti sering marah serta tidak puas hati apabila sesuatu kehendak mereka dihalang menjadikan mereka lebih memberontak dan suka melepaskan perasaan marah dan mengikut kehendak diri sendiri dalam melakukan sesuatu tindakan.

## Kesimpulan

Secara menyeluruh, masalah tingkah laku pelajar Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan Asrama Bahagia Kg. Pandan sememangnya tidak dapat dinafikan adalah masalah yang serius serta perlu ditangani pada usia awal mereka. Kajian ini diharapkan dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pihak yang diwajibkan terhadap masalah yang dihadapi. Hasil menemukan pelajar lelaki lebih cenderung dipengaruhi oleh faktor media massa manakala pelajar perempuan lebih cenderung dipengaruhi dengan rakan sebaya. Hasil kajian mendapat tingkah laku agresif individu dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu media masa, rakan sebaya dan diri sendiri. Tiada perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan untuk faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku agresif.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pihak Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi dan Asrama Bahagia Kg. Pandan atas kesudian untuk bekerjasama untuk menghasilkan Disertasi Bacelor FEM4999-A & B sebagai memenuhi syarat bergraduasi dalam Bacelor Sains Pembangunan Manusia dan Pengurusan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

## Rujukan

- Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Ali & Zulekha Yusof (2004). Salah laku sosial remaja kini: Cabaran dan penyelesaian. Kertas kerja dibentang pada Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 29 – 30 Mei 2004. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawzia Yahya, Amir Hamzah Abdul (2004). "Psikologi Sosial". Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azlina Mohd. Kosnin, Saniah Sayuti dan Azizah Rejab. (2002). *Pengaruh Persepsi Terhadap Tingkahlaku Keibubapaan Terhadap Penghargaan Kendiri Pelajar Awal Dewasa*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Penyelidikan.
- BERNAMA (2014). Dimuaturun pada 22 Februari 2019 dari laman web
- BERNAMA (2017). Dimuaturun pada 22 Februari 2019 dari laman web <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/12/22/remaja-keldai-dadah>
- BERNAMA (2019). Dimuaturun pada 15 Mac 2019 dari laman web <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2019/03/540218/kbs-bersedia-buka-ruang-pelajar-henry-gurney-jadi-atlet-negara>
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of the Family as a Context of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Calhoun, G., Jurgens, J. and Chen, F. (1993). *Juvenile Delinquency: Trends, Problems and Causes*. Seminar Delinkuensi Juvana. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Coleman, J. W. and Cressey, R. D. (1993). *Sosial Problem*, 5th. Ed. Harper Collins.
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., & Pachan, M. (2010). A Meta-analysis of Afterschool Programs that Seek to Promote Personal and Social Skills in Children and Adolescents. *American Journal of Community Psychology*. 45(3–4): 294–309.
- Fergusson, D. M., Boden, J. M. & Horwood, L. J. (2006). Cannabis use and other illicit drug use: testing the cannabis gateway hypothesis. *Addiction* 101(4): 556–569.
- Gov (2016). Dimuaturun pada 23 Mac 2019 dari laman web [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/0827daa8-e2aa-4204-8e3b-b104cdac23a1/resource/5f45f003-52f2-4a32-9b3c-87082a1b4d82/download/laporan-160-bilangan-penghuni-asrama-akhlak-mengikut-kumpulan-etnik-dan-jantina-2016.xlsx](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/0827daa8-e2aa-4204-8e3b-b104cdac23a1/resource/5f45f003-52f2-4a32-9b3c-87082a1b4d82/download/laporan-160-bilangan-penghuni-asrama-akhlak-mengikut-kumpulan-etnik-dan-jantina-2016.xlsx)
- Hamidah Ab. Rahman, Sabariah Din, Mohd Taib Dora, Ajmain Safar, Hamdan Abd. Kadir dan Puteri Khairul Bariah Mohd Mansur. (2006). *Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Pencerayaan: Kajian Kes Di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Hogan, J. A., Gabrielson, K. R., Luna, N. & Grothous, O. (2003). Substance Abuse Prevention: The Intersection of Science and Practice. Boston: Pearson Education, Inc.
- Hollen, K. H. (2009). *Encyclopedia of Addictions*. West Port, CT: Greenwood Publishing Group <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/05/28/dirogol-38-lelaki>
- Ismail, R., Ahmad, N. A., Ibrahim, F., & Nen, S. (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekutuan Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja (The Influence of Individual, Familial and Social Environmental Factors Towards Substance Abuse Behavior among Adolescents). *Akademika*, 87(1).
- Lai, S. K. (2010). *Penggunaan Internet dan Kesedaran Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Sebuah Sekolah Menengah*, Puchong: Projek Penyelidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E. C. and Benson, P. L. (2005). *Unleashing The Power of Community To Strengthen The Well-Being of Children, Youth and Families: An Asset Building Approach*. Child Welfare League of America. 84 (2). 33-250.
- Noor Adiah Mohamad Nor. (1998). *Satu Kajian Kes Tentang Masalah Remaja Sekolah Dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Norhayati Suaidi. (1994). *Persekutuan Fizikal, Penglibatan Ibubapa Dan Pencapaian Akademik Kanak-Kanak Di Rumah Pangsa*. Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan
- Rohayati Derani (2004). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah. Universiti Teknologi

- Malaysia: Tesis Sarjana Muda. Othman, Z., & Druis, M. D. (2017). Ancaman sindiket dadah terhadap juvenil di Malaysia (The threat of illicit drug syndicates to juveniles in Malaysia). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(1).
- Rosser, R., Stevens, S. & Ruiz & W. (2005). Cognitive markers of adolescent risk taking: A correlate of drug abuse in at-risk individual. *The Prison Journal* 85(1): 85-96.
- Turner, L.A., Powell, A.F., LanghinrichenRohling, J. & Carson, J. 2009. Helping families initiative: Interviewing with high risk students to a community, school, and district attorney partnership. *Child and Adolescent Social Work Journal* 26 (3): 209-233.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrdin Mohamed Yusoff& Ahmad Arifin Sapar (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. January 2013, Vol. 1 Issue 1.
- Yahaya, A., & Aliju, M. J. (2010). Pengaruh Negatif Rakan Sebaya. *Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Artikel*, 1-4.
- Zakiyah Jamaluddin. (2008). Kemudahan Kafe Siber dan Penularan Salah Laku Remaja. The 6th International Malaysian Studies Conference (MSC6) Malaysian Social Science Association (PSSM), University Malaysia Sarawak dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Crown Plaza Hotel Kuching Sarawak. 5-7 August. 2008.